



Amalan monopoli tak boleh diteruskan di negara ini - Anwar

Oleh Zanariah Abd Mutualib - Mei 23, 2023 @ 12:09pm
zanariah_mutalib@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Kerajaan berpendirian bahawa amalan monopoli di negara ini tidak boleh diteruskan memandangkan ia kerana tidak mendarangkan keuntungan kepada rakyat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata sebaliknya persaingan perlu digalakkan kerana ia mampu menjamin keselesaan kepada rakyat sebagai pengguna, selain membantu ke arah kos yang lebih rendah.

"Saya setuju pada prinsipnya, amalan monopoli tidak boleh diteruskan. Sebab itu, kita cari jalan (untuk memecahkan monopoli).

"Air, umpamanya tiada monopoli kerana di bawah (pentadbiran) negeri; tenaga dengan IPP (pengeluar tenaga bebas) dan dengan pengurusan sekarang pun, nampaknya mula dipecahkan.

"Begini juga dengan lebuh raya, tidak semua yang dibuat kerajaan dahulu (diberikan) kepada PLUS (PLUS Malaysia Berhad), jadi ada persaingan," katanya pada Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau berkat demikian menjawab soalan tambahan Datuk Wan Saiful Wan Jan (PN-Tasek Gelugor) sama ada monopoli lain oleh pihak kerajaan seperti dalam bekalan elektrik, air dan lebuh raya serta sekolah amanah di bawah Kementerian Pendidikan (KPM) akan dipecahkan dengan semangat memecahkan monopoli.

Pada 24 Mac lalu, Perdana Menteri berkata kerajaan akan mengkaji semula semua syarikat yang menikmati monopoli pada masa lalu sebagai usaha memastikan perkhidmatan ditawarkan lebih berdaya saing antara mereka.

Katanya, semua kementerian sudah diminta mengkaji syarikat monopoli sedia ada di bawah bidang kuasa mereka dalam menggalakkan pembangunan ekonomi yang telus serta persaingan yang adil.